

21 JAN 1998

Mahathir-Dermawan

KETAHANAN NASIONAL RAKYAT MAMPU ATASI TEKANAN, PENAKLUKAN: DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 21 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin sifat rakyat yang bersatu padu, sanggup menghadapi cabaran dan dermawan tanpa mengira perbezaan agama akan membolehkan Malaysia mengatasi tekanan dan cabaran penaklukan semula negara.

Perdana Menteri berkata sifat-sifat itu yang sesuai dengan ciri ketahanan negara jelas kelihatan apabila ramai hartawan dan dermawan yang masih sanggup tampil menghulurkan derma dalam kegawatan ekonomi sekarang, bagi membantu mereka yang memerlukan tanpa mengira perbezaan agama.

"Insya-Allah selagi kita dapat mengekalkan sifat-sifat mulia ini dalam diri, kita akan dapat mengatasi tekanan dan cubaan untuk menakluk semula negara kita," katanya pada majlis penyampaian sumbangan hari raya dan bantuan persekolahan kepada anak-anak yatim Islam dan bukan Islam di sini, hari ini.

Pada majlis itu Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali menyampaikan bantuan kepada kira-kira 400 orang anak yatim dari sekitar Wilayah Persekutuan yang menerima sumbangan hari raya RM140 seorang dan bantuan persekolahan antara RM200 hingga RM250 seorang daripada Persatuan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam Wilayah Persekutuan.

Dr Mahathir, yang beberapa kali melafazkan kesyukuran, berkata sifat dermawan rakyat Malaysia diamalkan tanpa sebarang diskriminasi agama kerana rakyat bukan Islam juga turut menghulurkan derma apabila diminta oleh orang Islam termasuk untuk tujuan pembinaan masjid.

Dr Mahathir berkata sepatutnyalah orang Islam juga turut menyumbangkan derma kepada orang bukan Islam yang memerlukan, yang akan dapat merapatkan lagi hubungan sesama Islam dan dengan bukan Islam.

Beliau berkata hakikat bahawa penduduk Malaysia berbilang agama mendedahkan rakyat kepada pilihan sama ada untuk bermusuh antara Islam dengan bukan Islam atau untuk berbaik-baik.

"Tidak ada larangan untuk kita berbaik-baik dengan bukan Islam yang tidak bermusuh dengan kita... dan kerana kita memilih untuk berbaik-baik dan tidak mengasingkan penganut agama yang berbeza maka negara kita menjadi aman," katanya.

Menurutnya, ketika Malaysia dapat mengurangkan golongan miskin ke tahap tujuh peratus dan gigih berusaha untuk mencapai tahap negara maju serta meningkatkan pendapatan rakyat, orang asing telahpun mengambil tindakan untuk memastikan tahap itu tidak dapat dicapai.

"Nampaknya usaha kita untuk meningkatkan kebahagiaan hidup kita sudah diganggu oleh orang asing dengan menjatuhkan nilai matawang kita dan kita menjadi miskin semula... belumpun dapat kita menjejari mereka, mereka telahpun mengambil tindakan untuk menentukan kita tak dapat menjejari," katanya.

Dr Mahathir berkata mereka menuduh pula masalah yang dihadapi negara kononnya kerana Malaysia mempunyai kerajaan yang pilih kasih, terlibat dengan rasuah dan pelbagai lagi.

"Saya tak katalah kita tak ada pilih kasih dan rasuah, sikit sebanyak ada barangkali... tetapi hakikatnya ialah kita berjaya membangunkan negara kita, berjaya membasmi kemiskinan, berjaya membantu mereka yang tidak mampu.

"Ini menunjukkan bahawa cara kita, walaupun ada kelemahan-kelemahannya, tidak membawa kesan yang terlalu buruk kepada negara kita sebaliknya membawa kesan yang baik," katanya.

Sedangkan mereka yang mengecam dan menuduh, katanya, hanya mencapai kejayaan untuk menjadikan rakyat Malaysia miskin dan menghadapi bermacam-macam masalah.

Dr Mahathir berkata mereka itu akan menjatuhkan lagi nilai matawang untuk mendera Malaysia apabila Malaysia menyuarakan sesuatu yang tidak disukai mereka sehingga ada yang takut untuk bersuara.

Negara-negara lain juga menghadapi tindakan yang sama sehinggakan ada yang sudah hampir maju menjadi hampir bankrap dan ada negara yang menghadapi ancaman akibat lebih dua juta rakyatnya menganggur.

Pada majlis itu, Dr Mahathir yang juga anggota seumur hidup persatuan itu, menerima sumbangan para dermawan termasuk dari seorang bukan Islam untuk persatuan itu.

Selepas majlis itu, Dr Mahathir menyertai para jemputan berbuka puasa dan menunaikan solat maghrib. Antara kenamaan yang hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman. -- BERNAMA

MNY NAK